

25
TAHUN
1999-2024
UITH SEBUAH UNIVERSITI



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Majlis Perasmian

MEGA STEM4FUN

25 JUN
2024

8:00 Pagi - 2:00 Petang

**Dewan Agung Tuanku Canselor
UiTM Shah Alam**



Dengan kerjasama:



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Tajaan oleh:

Pfizer (Malaysia) Sdn Bhd



IEEE Electron Devices Society



Good Virtues Co



AR Distributor

ISI KANDUNGAN

No	PERKARA	MUKASURAT
i	Prakata	4
1	Aturcara	6
2	Program STEM4FUN	7
3	MEGA STEM4FUN 2024	8
4	Objektif Program	9
5	Sasaran Program	10
6	Pertandingan	11
7	Rubrik Pemarkahan	12
8	Format Laporan	14
9	Saluran <i>Youtube</i>	15
10	Rakan Strategik	16
11	Ahli Jawatankuasa	17

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, program **MEGA STEM4FUN** anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM) berkolaborasi bersama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Pfizer dan IEEE EDS Malaysia dapat dilaksanakan dengan jayanya. Program komuniti **MEGA STEM4FUN** adalah satu aktiviti pemindahan ilmu untuk memberi pendedahan dan memupuk minat para guru dan pelajar sekolah terhadap mata pelajaran yang berteraskan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) melalui demonstrasi penggunaan blok elektronik dan robot. Pendedahan ini direncanakan dengan tujuan untuk menggalakkan para pelajar memilih jurusan STEM di peringkat pengajian tinggi dan seterusnya kerjaya.

Program **MEGA STEM4FUN** ini bakal dijalankan menggunakan konsep ToT – *Training of Trainers* dengan memberi pendedahan daripada warga pendidik Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM kepada guru sekolah dalam menjalankan aktiviti STEM bagi menarik minat para pelajar. Program ini melibatkan pendedahan teknologi terkini seperti penggunaan gajet sebagai alat bantuan mengajar seperti teknologi penderia dalam memantapkan pemahaman para pelajar dalam subjek STEM dan ia juga merupakan pengalaman pembelajaran baharu mengenai STEM terutamanya dalam bidang peranti elektron. **MEGA STEM4FUN** ini juga dilaksanakan bersama industri dan NGO untuk mewujudkan *Quadruple Helix* antara entiti universiti, industri, agensi kerajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan komuniti iaitu sekolah. Rakan strategik yang turut serta menyokong program ini adalah Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE) Electron Devices Society (EDS) Malaysia, Pfizer, AR Distributor, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Program yang berlangsung pada hari ini adalah kesinambungan daripada Program **STEM4FUN** yang telah dijalankan sejak tahun 2021. Program **STEM4FUN** telah berjaya dilaksanakan di sekolah rendah dan menengah arus perdana dan Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekitar negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Terengganu. Ia telah melibatkan lebih 250 buah sekolah rendah dan menengah serta memberi manfaat pemindahan ilmu dan tarikan STEM kepada lebih 500 guru dan 4000 pelajar.

Program ini merupakan sumbangan bakti warga pendidik Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM kepada komuniti terutamanya pelajar dan guru sekolah. Peningkatan minat pelajar sekolah terhadap subjek berteraskan STEM tidak seharusnya tertetak di bahu Kementerian Pendidikan Malaysia semata-mata, tetapi institusi pendidikan tinggi seperti UiTM juga harus memainkan peranan yang lebih luas dalam memastikan enrolmen pelajar berteraskan STEM meningkat pesat. Semoga program ini berjaya memberikan impak positif selaras dengan *tagline* UiTM iaitu “**Menyerlah Potensi, Membentuk Masa Depan**”.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan program **MEGA STEM4FUN**.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB@SAHIBUDDIN, FASC

NAIB CANSOLOR UiTM

PRAKATA



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada warga Kolej Pengajian Kejuruteraan, Universiti Teknologi MARA, Pfizer (Malaysia) Sdn. Bhd dan IEEE EDS Malaysia kerana dengan limpah dan rahmat-Nya telah berjaya melaksanakan program **MEGA STEM4FUN 2024**. Kerjasama serta kolaborasi dari pelbagai pihak amat penting dalam memastikan aktiviti seperti ini dapat dilaksanakan secara konsisten bagi memperkenalkan, mengaplikasikan serta memberi kesedaran akan kepentingan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (*Science, Technology, Engineering and Mathematics - STEM*). Penguasaan STEM mampu menjadi mekanisme terbaik dalam membentuk masa depan negara dan generasi pemimpin yang berilmu, unggul dan berkarisma serta menangani cabaran Revolusi Industri 4.0

Pendidikan STEM merupakan agenda penting dalam transformasi pendidikan negara seperti yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Ia merupakan bidang pengajian yang merangkumi pengetahuan, kemahiran serta sikap dan nilai murni dalam disiplin ilmu yang berkaitan. Pendidikan STEM juga menekankan konsep komunikasi, kerjasama, kreativiti dan pemikiran kritikal seperti yang terkandung di dalam pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) serta kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Penganjuran dan pelaksanaan **MEGA STEM4FUN** menjadi pendekatan menarik untuk memperkukuhkan kefahaman guru dan pelajar kepada subjek STEM kerana program sebegini mengalih fokus daripada PdP dalam bilik darjah secara formal, kepada penerokaan STEM yang berunsurkan inkuiri dan juga didik hibur melalui penggunaan kit elektronik. Program sebegini dilihat dapat membantu para guru untuk meningkatkan lagi pemahaman serta kemahiran pengajaran dalam bidang STEM. Peranan sekolah dan guru amat penting dalam memastikan pembudayaan STEM ditingkatkan dan diperkasakan dari semasa ke semasa. Seterusnya diharapkan agar bakat STEM dari peringkat sekolah dapat dibangunkan bagi meningkatkan enrolmen murid STEM ke arah nisbah 60:40 serta memupuk minat murid dalam bidang STEM dengan lebih sistematik dan holistik.

Program **MEGA STEM4FUN** ini juga dapat memperkukuhkan asas literasi STEM bersepadu pada peringkat sekolah untuk memastikan negara mempunyai bakat STEM yang berkelayakan dan mencukupi bagi memenuhi permintaan industri untuk memacu ekonomi Malaysia. Kolej Pengajian Kejuruteraan sentiasa memberi perhatian serta sokongan padu terhadap semua usaha dalam meningkatkan minat dan kemahiran pelajar dan para belia dalam bidang STEM. Kerjasama yang utuh antara pelbagai pemegang taruh termasuk sektor awam, industri, akademik dan masyarakat umum amat diperlukan bagi memastikan program sebegini dapat diteruskan dan berupaya melahirkan lebih ramai pakar tempatan dalam bidang STEM pada masa hadapan.

Akhir kata, saya berharap dan menyeru kepada semua pihak agar kita sama-sama menggembeng tenaga dengan penuh semangat ke arah mempertingkatkan penguasaan ilmu terutamanya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik ini sehingga usaha murni ini pada akhirnya dapat memenuhi visi pendidikan dan aspirasi untuk keperluan negara pada masa hadapan.

Sekian, wassalam.

PROF. Ir. Ts. Dr. HAMIDAH MOHD SAMAN
PENOLONG NAIB CANSOLOR, KOLEJ PENGAJIAN KEJURUTERAAN UITM

ATURCARA

08:30 PAGI	KETIBAAN DAN PENDAFTARAN PESERTA
08:45 PAGI	TAKLIMAT RINGKAS PENGGUNAAN BLOK ELEKTRONIK OLEH YBRS. PROF. IR. DR. AHMAD SABIRIN ZOOLFAKAR KETUA MEGA STEM4FUN 2024
09:00 PAGI	SESI TOT - TRAIN OF TRAINERS & DEMONSTRASI PENGGUNAAN BLOK ELEKTRONIK
10:30 PAGI	PROGRAM STEM BERSAMA PFIZER
10:40 PAGI	KETIBAAN TETAMU JEMPUTAN
10:50 PAGI	KETIBAAN WAKIL PFIZER YBRS. PUAN SHAMIE ZAINAL DIRECTOR OF GLOBAL POLICY AND PUBLIC AFFAIRS
	KETIBAAN WAKIL IEEE MALAYSIA YBRS. IR. DR. NORDIN RAMLI CHAIR IEEE EDS MALAYSIA
	KETIBAAN YBRS. PUAN HANISAH BINTI MOHD ALI TIMBALAN PENGARAH PENDIDIKAN SEKTOR PEMBELAJARAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR
	KETIBAAN YBRS. TUAN ABDUL AZIZ BIN MD HASHIM TIMBALAN PENGARAH PENDIDIKAN SEKTOR PEMBELAJARAN JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
	KETIBAAN YBRS. PROF. TPR. DR. JAMALUNLAILI ABDULLAH TIBALAN NAIB CANSELOR (JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI & ALUMNI)
	KETIBAAN YBRS. ENCIK MUSTAFFA KAMIL AYUB LEMBAGA PENGARAH UITM
11:10 PAGI	NYANYIAN LAGU NEGARAKU DAN BACAAN DOA
	UCAPAN ALUAN YBRS. PROF. TPR. DR. JAMALUNLAILI ABDULLAH TIBALAN NAIB CANSELOR (JARINGAN INDUSTRI, KOMUNITI & ALUMNI)
	UCAPAN DAN PERASMIAN MEGA STEM4FUN 2024 YBRS. ENCIK MUSTAFFA KAMIL AYUB LEMBAGA PENGARAH UITM
	GIMIK PERASMIAN/ TAYANGAN MONTAJ
	SIMBOLIK PENYERAHAN ELEKTRONIK KIT KEPADA JABATAN PENDIDIKAN SELANGOR DAN JABATAN PENDIDIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
	SESI BERGAMBAR
12:00 TENGAHARI	LAWATAN KE BOOTH PAMERAN
01:00 PETANG	BERSURAI

PROGRAM STEM4FUN

Program ini merupakan inisiatif UiTM dan IEEE EDS Malaysia dalam memberi pendedahan dan memupuk minat pelajar sekolah rendah & menengah rendah terhadap mata pelajaran yang berteraskan sains, matematik, teknologi dan kejuruteraan (STEM) melalui demostrasi penggunaan **blok elektronik, drone, teknologi tenaga hijau dan robot**. Program ini juga bertujuan untuk menyokong usaha pihak sekolah dalam mewujudkan Kelab STEM disamping memberi pendedahan awal berkenaan dengan STEM.

Selain itu juga, program ini akan mendapat kerjasama daripada pihak industri iaitu Pfizer (Malaysia) Sdn Bhd dan AR Distributor sebagai tanda sokongan dalam pendidikan anak-anak untuk mendalami bidang kejuruteraan seperti elektrik, elektronik dan mekanikal. Program **STEM4FUN** ini melibatkan rangka kerja *Quadruple Helix* antara entiti universiti (UiTM, UKM, UniSZA dan UM), Industri (AR Distributor), NGO (IEEE EDS Malaysia), kerajaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi) dan Komuniti (Sekolah).

Program STEM4FUN telah dilaksanakan di negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu dan Kuala Lumpur. Program ini terbuka kepada semua lapisan pelajar rendah menengah rendah dan guru tanpa mengira bangsa dan agama. Keutamaan akan diberikan kepada para pelajar dalam kategori B40. Para guru yang terlibat dalam bidang STEM juga akan diberi pendedahan mengenai penggunaan alatan bantuan pengajar seperti **blok elektronik, drone, teknologi tenaga hijau dan robot**.



Pendedahan ini akan menggalakkan pelajar untuk memilih jurusan STEM di peringkat pengajian tinggi dan seterusnya kerjaya. Ini adalah selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

MEGA STEM4FUN

Perlaksanaan program adalah melibatkan 300 buah sekolah di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tujuan utama program adalah memberi pendedahan kepada guru sekolah dari aliran perdana dan Pendidikan khas mengenai STEM/ STEAM melalui "electronics blocks".

Program ini telah menerima kebenaran melaksanakan program dari Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

300 buah sekolah dipilih oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor/ Kuala Lumpur. Setiap sekolah akan menghantar dua orang guru. Guru akan diajar menggunakan electronics block (Train of Trainers).

Setiap sekolah akan menerima 2 buah elektronik blocks. Guru akan menjalankan program STEM4FUN di sekolah masing masing. Elektronik Block akan menjadi kepunyaan sekolah.

Guru perlu membuat laporan mengenai program yang telah dilaksanakan menggunakan template yang disediakan. Laporan perlu dikemaskan kepada UiTM/ IEEE dalam tempoh sebulan.



Kompleks Kejuruteraan

OBJEKTIF PROGRAM

Objektif utama pelaksanaan program MEGA STEM4FUN

1

Pendedahan aktiviti STEM khususnya dalam bidang elektronik, robotik dan tenaga hijau kepada pelajar sekolah rendah & menengah rendah untuk menarik minat mereka untuk memilih jurusan STEM sebagai bidang pilihan pengajian di universiti dan seterusnya kerjaya masa depan mereka.

2

Warga pendidik dan pelajar sekolah akan memulakan pengalaman pembelajaran baharu mengenai STEM terutamanya dalam bidang peranti elektronik

3

Pendedahan program Engineers Demonstrating Science: Engineer Teacher Connection (EDS-ETC) ke Selangor dan Kuala Lumpur untuk mengurangkan jurang literasi STEM dalam kalangan pelajar sekolah.

4

Melahirkan modal insan berkemahiran dalam bidang STEM yang menjadi teras Revolusi Industri 4.0.

SASARAN PROGRAM

Menjelang 2030, memastikan semua kanak-kanak lelaki dan perempuan mendapat akses kepada pembangunan awal kanak-kanak, penjagaan dan pendidikan prasekolah yang berkualiti agar mereka bersedia untuk pendidikan sekolah rendah.

Menjelang 2030, memastikan akses sama rata bagi semua golongan lelaki dan wanita kepada pendidikan teknikal, vokasional dan pengajian tinggi, termasuk universiti, yang berkualiti dan mampu biaya.

Menjelang 2030, menghapuskan jurang perbezaan gender dalam pendidikan serta memastikan akses sama rata bagi semua peringkat pendidikan dan latihan vokasional untuk kumpulan berisiko, termasuk orang kurang upaya, orang asli, dan kanak-kanak berisiko.

Membina dan menaik taraf kemudahan pendidikan yang peka terhadap keperluan kanak-kanak, orang kurang upaya dan sensitif gender serta menyediakan persekitaran pembelajaran yang selamat, bebas keganasan, menyeluruh dan berkesan untuk semua.

SDG4:

Memastikan Pendidikan berkualiti secara menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.



Kompleks Kejuruteraan

PERTANDINGAN

PENGHANTARAN LAPORAN PROGRAM STEM

Setelah menyertai latihan MEGA STEM4FUN, setiap sekolah yang mengambil bahagian perlu menghantar laporan mengenai program STEM yang telah dijalankan di sekolah masing-masing. Laporan ini penting bagi tujuan pemilihan pemenang dan penilaian keberkesanan program. Berikut adalah maklumat mengenai pemilihan pemenang dan template laporan yang perlu dihantar:

PEMILIHAN PEMENANG DAN HADIAH

Enam pemenang akan dipilih:

- 3 sekolah daripada Jabatan Pendidikan Selangor
- 3 sekolah daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Hadiah yang akan diterima berupa barangan keperluan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) atau barangan STEM, bergantung kepada permintaan sekolah, dengan nilai:

- Pertama: RM 1500.00
- Kedua: RM 1000.00
- Ketiga: RM 500.00

Jumlah keseluruhan hadiah: RM 6000.00

TARIKH TUTUP PERTANDINGAN

Tarikh tutup untuk penghantaran laporan adalah pada **25 Julai 2024**.

TEMPLATE LAPORAN

Untuk memudahkan proses pelaporan, template laporan telah disediakan dan boleh dimuat turun dari laman web <https://www.megastem4fun.com/pelaporan>. Pastikan semua maklumat yang diperlukan diisi dengan lengkap dan dihantar sebelum tarikh tutup yang ditetapkan.

RUBRIK PEMARKAHAN

KRITERIA	PERATUSAN MARKAH (%)
1. Bilangan pelajar yang terlibat	20%
<ul style="list-style-type: none"> Minimum pelajar yang terlibat ialah 30 pelajar 	
2. Pelaporan	50%
<ul style="list-style-type: none"> Persembahan laporan 	
<ul style="list-style-type: none"> Gambar dan video 	
<ul style="list-style-type: none"> Analisa tinjauan sebelum dan selepas program (entry-exit program survey) 	
3. Kreativiti pelaksanaan program	30%
<ul style="list-style-type: none"> Keterlibatan semua pihak yang terlibat, termasuk peserta program dan agensi yang terlibat. 	
<ul style="list-style-type: none"> Kerjasama dan kolaborasi untuk penganjuran program 	

Setiap sekolah perlu memastikan laporan yang dihantar lengkap dengan semua elemen yang dinyatakan di atas untuk meningkatkan peluang dipilih sebagai pemenang. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan dengan peratusan markah yang dinyatakan.

LAMAN WEB PENGHANTARAN LAPORAN

<https://www.megastem4fun.com/pelaporan>

MUKA HADAPAN LAPORAN

LAPORAN PELAKSANAAN MEGA STEM4FUN 2024



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



Disediakan oleh:

Sekolah:

FORMAT LAPORAN MEGA STEM4FUN

Setiap laporan MEGA STEM4FUN perlu disertakan maklumat berikut:

1. Pengenalan
2. Objektif program
3. Tarikh pelaksanaan program
4. Tempat
5. Pelaksanaan program:
 - Kaedah pelaksanaan program
 - Sekolah/kelas/kelab/persatuan/organisasi yang terlibat
 - Pihak kolaborasi yang terlibat (sekiranya ada)
6. Analisis program - sebelum dan selepas keterlibatan peserta
7. Gambar program (tambahan gambar boleh diberi melalui link)
8. Video program (Link video)
9. Kesimpulan dan Penutup

Disediakan oleh:

Nama

No Telefon:

Alamat Email:

10. Appendix:
 - Senarai guru yang terlibat (contohnya Ahli Jawatankuasa Pelaksana program)
 - Senarai murid/peserta terlibat (Nama dan Kad pengenalan)

SALURAN YOUTUBE



Channel STEM4FUN di Youtube



STEM4FUN

@STEM4FUN · 7 subscribers · 7 videos

STEM4FUN ...more

Subscribe

Home Videos Playlists



RF Magic: Create and Control with Radio Frequency Electronic Blocks!

2 views · 2 days ago



Bright Ideas: Create a Light-Controlled LED Using Electronic Blocks!

1 view · 2 days ago



Demo: Series & Parallel Circuits with Electronic Blocks

2 views · 2 days ago



2 MAIN TYPES OF CIRCUIT

1. SERIES CIRCUIT
2. PARALLEL CIRCUIT

Building Series & Parallel Circuits with Electronic Blocks

2 views · 2 days ago



Please **scan!** to explore our YouTube channel.

RAKAN STRATEGIK



Kolej
Pengkajian Kejuruteraan



AHLI JAWATANKUASA

Penasihat : Professor Datuk Dr Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin

Penasihat : Prof. Ir. Ts. Dr. Hamidah Mohd Saman

Penasihat PFIZER : Puan Shamie Zainal

Pengerusi : Prof. Dr. Ayub Md Som

Timbalan Pengerusi : Prof. Ir. Dr. Ahmad Sabirin Zoolfakar

Pengarah Program : Ir Dr. Zulkifli Othman

Pengurus Majlis (Floor Manager) :

Ketua : Prof. Ir. Dr. Ahmad Sabirin

Zoolfakar

1. Ir. Dr. Azrif Manut

2. Ir. Ts. Dr. Mohd Khairul Bin Kamarudin

Sekretariat dan AJK Makanan :

Ketua: Puan Azrena Wan Chik

1. En. Mohd Nizam Othman

2. Cik Nurhidayah Saidin

3. Puan Norita Saari

4. Puan Siti Nor Aza Noordin

5. Puan Junaidah Bajuri

Jawatankuasa Publisiti dan Promosi :

Ketua : Ir. Dr. Suzana Ramli

Jawatankuasa Kewangan :

Ketua : Ts. Dr. Muhamad Azhan Anuar

Jawatankuasa Teknikal dan Siaraya :

Ketua : En Mohamad Asyraf Abdul Latif

1. En. Shahizan Pa'wan

2. Pn. Noor Hidayah Mohd Kamsani

3. Pn. Siti Sara Zakaria@Mustafa

Jawatankuasa Penajaan (Food Truck) :

Ketua : Dr. Norlela Ishak

1. Pn. Norhayati Talib

2. En. Ahmad Hairi Bin Simon

3. En. Azwadi Bin Saad @ Azizan

4. Dr Muhd Azimin Ab. Ghani

Jawatankuasa Penyediaan Bunting, Backdrop, Buku Program, Website, Video Montaj dan Gimik Perasmian :

Ketua : Mohamad Mazwan Bin Mahat

1. Dr Roshakimah Mohd Isa

2. Pn. Norhaflyza binti Marbukhari

Jawatankuasa Logistik, Persiapan Tempat dan Dewan:

Ketua : Ts. Ameran Saiman

1. En. Shahrilnizam Abd Samad

Jawatankuasa Penyediaan Kits Sekolah, Hadiah dan Sijil Pemenang :

Ketua : Ir. Dr. Rozina Abdul Rani

1. Ir. Ts. Dr. Maizatul Zolkapli

2. Dr. Nurizaty Binti Zuhar

3. Pn Siti Aishah Binti Mat Jaya

4. Pn Adibah binti Md Othman

5. Pn Nurnabillah binti Khalid

Jawatankuasa Pameran dan Misi Akademik :

Ketua : Puan Salina binti Yusoff

1. Cik Fairuzaszila binti Junus

2. Prof. Madya Dr. Sheila A/P Belayutham

3. Ts. Dr. Mohd Hafiz Bin Mohd Noh

4. Encik Muhamad Irsaffuddin bin Ismail

5. Encik Mohd Azlin bin Jalil

6. Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Jezan Md Diah

7. Encik Hanafiah Zainal Abidin

8. Prof. Madya Ir. Dr. Yusnani binti M Yussoff

9. Prof. Madya Dr. Zuraidah binti Salleh

10. Pn Ayu Dalina Rahim

11. Pn Normaya Abdul Rahman

12. Pn Nor Nazifah Abd Jamil

13. Pn Khodijah Zairun Abidin

14. Pn Khairunnisa Azuan

Jawatankuasa Pfizer:

Ketua : Puan Shamie Zainal

1. Saif Arman Shah Mohamad

2. Nurfateha Mokhtar

3. Adiba Najwa Muzammil

AHLI JAWATANKUASA



Jawatankuasa protokol, media, Teks Ucapan VVIP :

Ketua : Dr. Nik Rozlin Nik Masdek

1. Prof. Madya Ir. Dr. Ahmad Sabirin Zoolfakar - Penulis prakata
2. Ir Dr Azrif Manut - Teks ucapan
3. Ir Ts Dr Maizatul Zolkapli - Teks ucapan
4. Dr Nik Rozlin Nik Masdek - Penulis prakata
5. Ir Dr Rozina Abdul Rani - Penulis prakata
6. Ts Dr Yazmin Sahol Hamid- Press release & menguruskan pihak media - BM dan English
7. Ir Ts Dr Jalina Kassim - Protocol
8. Ts A'zraa Afzhan Ab Rahim -Media Social Live Instagram Story

Liaison Officer :

Ketua : En Shu'aibi Zainal Abidin

1. En. Muhammad Fazlee Bin Sumairi
2. En. Ahmad Nashwizal Bin Mohd Noor
3. En. Amirahudin Bin Jamaludin
4. En. Muhammad Syafiq Naim Bin Sohami
5. En. Muhamad Aiman bin Abu Hassan
6. Pn Shazwani binti Mohd Noor
7. Pn. Rohani binti Abd Razak
8. Pn. Mastura binti Kadir @ Ibrahim
9. Pn. Nurul Fazlina binti Mohamad Nooh
10. Pn. Noraisyah binti Sahak
11. Pn. Nurhaizum binti Abd Wahab
12. Pn. Noor Imaniah binti Hj. Sayuti
13. Pn. Azrena binti Wan Chik
14. Pn. Fazni Umi Binti Abdul Ghani
15. Pn. Norhafizah Binti Ibrahim Apani
16. Pn. Salina Binti Mohd Salleh
17. Pn Siti Najwa Binti Muhamad Zamri

Jawatankuasa Keselamatan :

1. En. Sokri Bin Sulaiman
2. En. Mohd Izani Bin Daud
3. En. Shah Rizal Bin Sulaiman @ Md Saad
4. En. Mat Suhaimi Bin Kamari
5. En. Khairul Nizam Bin Tualib
6. En. Abdul Aziz Bin Jaffar
7. Pn. Siti Mughni Binti Mohamad
8. En. Mohd Sharif Bin Khalidin
9. En. Mohd Nazri Bin Razali
10. En. Muhammad Faizal Bin Shariff
11. En. Harith Faizal Bin Kamaruddin
12. En. Shahril Bin Sharudin
13. En. Mohd Muszakir Bin Md Hatar
14. En. Mohd Firull Bin Md Shah
15. En. Muhammad Arif Bin Norazli
16. Pn. Nur Diyana Nadirah Binti Mohd Bakri
17. En. Abdul Rahim Bin Abu Kassim
18. En. Noor Mazrul Mizam Bin Deraman
19. En. Muhamad Izzad Bin Jalil
20. En. Mohd Azhar Bin Munir

Jawatakuasa Operasi Majlis :

1. Tn. Hj. Zul Khafiz Bin Mohd Khalidi
2. Tn. Hj. Mohd Saat Mohd Soom
3. En. Mohamad Edzuari Bin Abdul Sani
4. Tc. Khaeryll Anwar Bin Mohd Noh
5. Tc. Abdul Shukur Bin Ismail
6. En. Mohd Hafizal Bin Othman
7. En. Zulkifli Bin Azmi
8. En. Mohd Zu Bin Mat Arof

Juri Pertandingan :

1. Ir Ts Dr Maizatul Zolkapli
2. Ir Ts Dr Rozina Abdul Rani
3. Dr. Nurnida Elmira Binti Othman
4. Dr. Siti Rabizah Binti Makhsein
5. Prof. Madya Dr. Wan Nurshazwani Binti Wan Zakaria
6. Dr Nurizaty Binti Zuhan
7. Ir. Ts. Dr. Hasnida Binti Saad
8. Ir. Dr. Shahrani Binti Shahbudin
9. Ir. Ts. Dr. Muhamad Sukri Bin Hadi
10. Dr Zurriati Mohd Ali



www.megastem4fun.com

PENYUNTING

MOHAMAD MAZWAN BIN MAHAT

ROSHAKIMAH MOHD ISA

NORHAFLYZA BINTI MARBUKHARI

ALAMAT

Kolej Pengajian Kejuruteraan

Universiti Teknologi MARA

40450, UiTM Shah Alam

Selangor